Latihan Kata Bilangan Tingkatan Dua – DSKP 5.1.3

A. Pilih jawapan yang betul

1. _____ orang penjenayah itu telah berjaya diberkas oleh pihak polis.
   A Ketiga
   B Tiap-tiap
   C Sesetengah
   D Kedua-dua

2. Haji Ahmad akhirnya meninggal dunia setelah_____menderita penyakit angin ahmar.
   A berhari-hari
   B berabad-abad
   C bertahun-tahun
   D berkurun-kurun

3. _____murid diwajibkan menyertai aktiviti kokurikulum.
   A Para
   B Setiap
   C Ribuan
   D Setengah

4. _____pandangannya menjadi gelap apabila _____belah matanya terkena semburan cecair itu.
   A Seluruh.kedua-dua
   B Kedua-dua.seluruh
   C Setiap.kedua-dua
   D Sesetengah.semua

5. Tuan Zaidi mendermakan _____ daripada hartanya kepada anak-anak yatim.
   A sebahagian
   B sesetengah
   C beberapa
   D ribuan

B. *Ayat-ayat di bawah **mungkin betul** dan **mungkin salah**. Tandakan sama ada **A, B**, atau **C**, jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D jika tiada kesalahan**.*

1. Kedua (A) orang anaknya mendapat tempat kedua (B) dalam kedua-dua (C) pertandingan itu. Tiada Kesalahan (D)

2. Para peserta (A) dikehendaki menjelaskan yuran sebanyak pertama ringgit (B) pada minggu kedua (C) persekolahan. Tiada kesalahan. (D)

3. Beberapa pelajar (A) yang didapati mengalami keracunan makanan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing (B) selepas menerima rawatan selama setengah hari (C). Tiada kesalahan. (D)

4. Pelbagai projek (A) pembangunan yang dilaksanakan mendapat sokongan daripada hampir seluruh orang (B) penduduk di daerah yang kedua termaju (C) di negeri itu. Tiada kesalahan. (D)

5. Setiap orang (A) pelajar dikehendaki menyiapkan dua buah esei (B) dalam masa tiga jam setengah (C). Tiada kesalahan. (D)

LIVEWORKSHEETS